

Dasar Privasi

KOKUYO (MALAYSIA) Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai “kami”, dan/ atau “Syarikat”) komited untuk menghormati dan melindungi data peribadi serta privasi pelanggan dan rakan kerjasama.

Dasar Privasi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Dasar") menetapkan kaedah di mana kami mengumpul, menyimpan, dan memproses data peribadi individu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pelanggan, pekerja kami, kolaborator (yang akan ditakrifkan kemudian), dan orang awam, selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa, termasuk semua undang-undang subsidiari, garis panduan, piawaian, dan kod amalan yang dikeluarkan di bawahnya) (selepas ini dirujuk sebagai "PDPA") dan undang-undang Malaysia. Dalam Dasar ini, istilah "data peribadi", "pengumpulan", "pendedahan", "pemprosesan" dan istilah lain yang sama, mempunyai makna yang sama seperti yang ditakrifkan dalam PDPA dan peraturan yang berkaitan, standard, garis panduan, notifikasi, dan amalan yang dikeluarkan di bawahnya.

Sekiranya anda memberikan data peribadi kepada kami atau terus mengakses laman web kami, yang termasuk <https://www.kokuyo.com/> , <https://www.kokuyo-furniture.com.my/> , serta mana-mana laman web lain, subdomain, atau laman yang dipautkan yang dikendalikan di bawah atau dikaitkan dengan **KOKUYO Group** (“Laman Web”), anda dianggap telah membaca dan memahami Dasar ini dan bersetuju bahawa kami akan memproses data peribadi anda mengikut kaedah yang ditetapkan di dalam Dasar ini.

1. Pengumpulan Data Peribadi

Selaras dengan PDPA, kami mengeluarkan Dasar ini kepada semua pelanggan kami yang dihormati (termasuk bakal pelanggan), rakan kerjasama, dan pekerja kami, yang mana berkenaan. Anda mungkin dikehendaki memberikan data peribadi yang akan dikumpul, digunakan, dan diproses oleh kami untuk membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan kepada anda sebagai pelanggan, atau sekiranya anda membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan kepada kami sebagai rakan kerjasama, atau membuat pertanyaan mengenai potensi kerjasama, atau sepanjang tempoh pekerjaan anda dengan kami.

2. Tujuan Pengumpulan Data Peribadi

(1) Sekiranya anda seorang pelanggan (atau bakal pelanggan), data peribadi anda dikumpul oleh kami setakat yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, dan diproses untuk tujuan-tujuan berikut termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Untuk tujuan komunikasi bagi penyediaan barangan dan perkhidmatan kami, medium komunikasi adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada telefon, e-mel, surat-menyurat, pesanan SMS, media sosial, dan lain-lain medium komunikasi.
- (b) Untuk memasuki perjanjian yang diperlukan bagi anda membeli barangan dan/atau perkhidmatan daripada kami, dan pelaksanaan kewajipan kami di bawah perjanjian tersebut;
- (c) Untuk berkomunikasi dengan anda mengenai produk, perkhidmatan, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan yang mungkin menarik minat anda;
- (d) Untuk menyediakan cadangan dan panduan mengenai produk dan/atau perkhidmatan peribadi khusus untuk pelanggan bagi meningkatkan pengalaman pelanggan;
- (e) Untuk membenarkan pihak ketiga yang berkaitan dengan kami menghubungi anda bagi kempen pengiklanan, promosi dan pemasaran yang dijalankan oleh pihak ketiga tersebut;
- (f) Untuk menambah baik produk dan perkhidmatan kami;
- (g) Untuk analisis pemasaran dan pemprofilan pelanggan bagi perkhidmatan;
- (h) Untuk tujuan penyelenggaraan dan pengurusan rekod serta pembangunan pelanggan;
- (i) Untuk penilaian kredit, semakan kewangan dan latar belakang;
- (j) Untuk pencegahan dan pengesanan jenayah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pencegahan, pengesanan dan pendakwaan perubahan wang haram, keganasan dan penipuan;
- (k) Untuk tujuan siasatan dalaman, audit atau keselamatan; dan
- (l) Untuk mematuhi undang-undang, peraturan, ordinan, perintah, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa atau pihak berkenaan.

(2) Sekiranya anda merupakan rakan kerjasama (seperti pembekal, vendor, penyewa, pembekal perkhidmatan, atau lain-lain pihak ketiga yang bekerjasama dengan kami dari segi operasi dan/atau pengurusan perniagaan kami), data peribadi anda, setakat yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, dikumpul dan diproses oleh kami bagi tujuan berikut termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Untuk kawalan dan pelaksanaan transaksi komersial;
- (b) Untuk pengurusan dan pelaksanaan obligasi kontrak kami terhadap anda;

- (c) Untuk penilaian kredit, semakan kewangan dan latar belakang;
 - (d) Untuk memproses permohonan akaun kredit;
 - (e) Untuk memproses pembayaran berkaitan transaksi perniagaan anda;
 - (f) Untuk tujuan siasatan dalaman, audit atau keselamatan; dan
 - (g) Untuk mematuhi obligasi undang-undang dan kawal selia kami dalam menjalankan perniagaan.
- (3) Sekiranya anda seorang pekerja (atau calon pemohon pekerjaan), data peribadi anda dikumpul oleh kami setakat yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, dan diproses untuk tujuan-tujuan berikut termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (a) Menyimpan rekod pekerjaan dan direktori kakitangan;
 - (b) Berkomunikasi dengan pekerja kami, dan mentadbir serta mengurus hubungan pekerjaan;
 - (c) Menilai, mentaksir, dan memantau prestasi kerja dan kehadiran;
 - (d) Menjana laporan, rekod dan statistik berkaitan pekerjaan;
 - (e) Bagi tujuan prosiding tatatertib dan aduan;
 - (f) Menjalankan siasatan, penilaian dan sebarang tindakan susulan daripada laporan yang dibuat di bawah Dasar dan Prosedur Pemberi Maklumat ("Dasar Pemberi Maklumat");
 - (g) Mentadbir gaji, bonus, ganjaran, latihan dan pembangunan, serta faedah lain;
 - (h) Mengurus cuti dan ketidakhadiran;
 - (i) Memudahkan keputusan pengurusan;
 - (j) Mentadbir skim dan inisiatif tempat kerja;
 - (k) Mengurus penyesuaian di tempat kerja untuk menampung sebarang keperluan khas pekerja atau pekerja kurang upaya;
 - (l) Menilai kesesuaian untuk bekerja;
 - (m) Menangani pertikaian undang-undang yang melibatkan pekerja dan kontraktor, termasuk kemalangan di tempat kerja, penipuan dan pertikaian pekerjaan;
 - (n) Mematuhi obligasi kesihatan dan keselamatan yang berkaitan;
 - (o) Untuk memantau komunikasi perniagaan dan penggunaan sistem maklumat dan komunikasi kami, termasuk log penggunaan e-mel dan sistem perniagaan lain;
 - (p) Untuk menjalankan kajian analisis data bagi mengkaji dan lebih memahami kadar pengekalan dan peralihan pekerja;
 - (q) Menganalisis penggunaan ruang kerja dan gaya bekerja untuk menyokong penambahbaikan dan pembangunan perkhidmatan perancangan ruang, perkhidmatan baharu berkaitan tempat kerja, dan inisiatif bertujuan meningkatkan gaya bekerja individu dan persekitaran kerja keseluruhannya;
 - (r) Memberikan rujukan pekerja kepada bakal majikan; dan/atau
 - (s) Semua perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengan pekerjaan dengan kami yang kami anggap perlu atau sesuai.
- (4) Kami mungkin akan mengubah tujuan penggunaan seperti yang dinyatakan di atas sekiranya terdapat keperluan yang munasabah dan relevan untuk menepati tujuan penggunaan asal. Dalam situasi sedemikian, kami akan memaklumkan kepada pelanggan, pekerja dan/atau rakan kerjasama yang terlibat terlebih dahulu dan mendapatkan kebenaran mengenai perubahan terma berkaitan penggunaan data peribadi di Laman Web atau platform lain seperti melalui e-mel atau surat-menyurat.

3. Sumber Data Peribadi

- (1) Data peribadi yang kami kumpul, proses dan gunakan akan diperolehi terutamanya, tetapi tidak secara eksklusif, daripada sumber-sumber berikut:
- (a) Sekiranya dengan pelanggan kami – melalui mana-mana perjanjian mengenai barangan dan/atau perkhidmatan kami; sekiranya dengan rakan kerjasama kami – melalui perjanjian berkaitan barangan dan/atau perkhidmatan oleh mereka kepada kami;
 - (b) Borang permintaan maklumat rasmi yang disediakan kepada anda oleh pekerja atau ejen kami;
 - (c) E-mel atau komunikasi yang diterima mengenai permintaan atau pertanyaan maklumat oleh pelanggan atau rakan kerjasama, yang mana berkenaan;
 - (d) Borang yang dikemukakan oleh anda di Laman Web kami;
 - (e) Semasa mendaftar untuk surat berita (*newsletter*) atau bahan promosi kami yang lain;
 - (f) Kad perniagaan (*business cards*) dan dokumen lain yang diberikan kepada pekerja, ejen, broker dan pihak yang berkaitan dengan kami;

- (g) Pelbagai dokumen yang dikemukakan kepada kami untuk diproses (termasuk tetapi tidak terhad kepada borang, soal selidik, dan dokumen kewangan, jika perlu) melalui cara elektronik atau fizikal;
 - (h) Laporan, atau maklumat yang disediakan melalui saluran Pemberi Maklumat kami;
 - (i) Kuki di laman web kami. Kuki ialah fail teks yang diletakkan dalam memori komputer atau peranti anda oleh komputer kami. Salinan fail teks ini dihantar setiap kali komputer atau peranti anda berkomunikasi dengan pelayan kami. Jika anda ingin membatalkan/ melumpuhkan kuki ini; ubah tetapan pelayar anda. Walau bagaimanapun, pembatalan/ pelumpuhan kuki boleh menyebabkan semua ciri Laman Web kami tidak tersedia dan juga boleh menyebabkan Laman Web kami tidak dapat diakses; dan
 - (j) Sekiranya anda seorang pekerja, kami dan/atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami mungkin mengumpul data peribadi anda dalam bentuk resume yang disediakan kepada kami oleh anda atau bagi pihak anda (contohnya oleh agensi pengambilan pekerja), temuduga semasa proses saringan pada peringkat permohonan pekerjaan, dan/atau sepanjang tempoh pekerjaan dengan kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada komunikasi dalaman atau komunikasi dengan pihak ketiga).
- (2) Kami tidak akan dalam apa jua keadaan mengumpul atau membeli data peribadi secara haram atau memperolehnya secara komersial melalui pembelian atau urus niaga data peribadi tersebut.
4. Kandungan Data Peribadi
- (1) Data peribadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, maklumat berikut:
- (a) Nama;
 - (b) Tarikh Lahir dan umur;
 - (c) Alamat;
 - (d) Nombor Telefon;
 - (e) Alamat E-Mel;
 - (f) Jantina;
 - (g) Kewarganegaraan;
 - (h) Tempat Kerja dan Jawatan;
 - (i) Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara;
 - (j) Nombor passport;
 - (k) Pendapatan;
 - (l) Status aset;
 - (m) Status perkahwinan;
 - (n) Imej dan data rakaman yang dirakam oleh video;
 - (o) Maklumat teknikal berkomputer (alamat IP, sistem pengendalian komputer, pelayar web, antara lain); dan
 - (p) Maklumat lain yang berkaitan.
- (2) Selain daripada di atas, sekiranya anda seorang pekerja (atau calon pekerja kami), data peribadi juga mungkin termasuk maklumat berikut:
- (a) Butiran akaun bank;
 - (b) Butiran dan sejarah pekerjaan terdahulu seorang pekerja;
 - (c) Butiran keahlian profesional dan sijil latihan (jika berkenaan);
 - (d) Butiran rujukan;
 - (e) Maklumat perubatan, keadaan kesihatan fizikal atau mental;
 - (f) Maklumat mengenai kesalahan yang dilakukan atau didakwa dilakukan atau prosiding bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan atau didakwa telah dilakukan oleh seorang pekerja;
 - (g) Butiran komunikasi (sama ada secara dalaman atau dengan pihak ketiga) semasa menjalankan tugas; dan/atau
 - (h) Sebarang bentuk atau jenis data peribadi lain yang diperlukan untuk pelaksanaan tugas kami sebagai majikan.
- (3) Kami tidak akan memproses sebarang data peribadi sensitif, yang terdiri daripada maklumat mengenai kesihatan atau keadaan fizikal atau mental subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat serupa, kesalahan yang dilakukan atau didakwa dilakukan olehnya, data biometrik (contohnya pengecaman muka, cap jari, imbasan iris) atau mana-mana data peribadi lain seperti yang mungkin ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang diterbitkan dalam Warta. Sila ambil

perhatian bahawa dengan memberikan persetujuan kepada kami mengenai pemprosesan data peribadi anda berdasarkan Dasar ini, anda juga telah secara jelas dan nyata memberikan kepada kami persetujuan untuk kami memproses data peribadi sensitif anda berdasarkan terma seperti yang diperuntukkan di sini.

5. Pemprosesan Mandatori

- (1) Sila ambil perhatian bahawa semua data peribadi yang diberikan kepada kami adalah untuk pelaksanaan tujuan seperti yang diperuntukkan dalam Dasar ini.
- (2) Sekiranya anda tidak memberikan data peribadi yang diperlukan kepada kami dan/atau persetujuan dalam memproses data tersebut terhad atau ditarik balik, kami mungkin tidak dapat mematuhi mana-mana obligasi kami yang kami miliki terhadap anda.

6. Pendedahan Data Peribadi

- (1) Data peribadi yang diberikan kepada kami mungkin diproses oleh kami dan pihak ketiga yang berkaitan dengan kami (sama ada di Malaysia atau di luar negara).
 - (2) Pihak ketiga tersebut adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (a) Mana-mana pihak ketiga yang dikehendaki oleh undang-undang atau atas permintaan mana-mana pihak berkuasa berwajib atau agensi kerajaan untuk kami mendedahkan Data Peribadi anda;
 - (b) Entiti berkaitan kami dalam Kumpulan KOKUYO, termasuk syarikat induk kami, syarikat sekutu dan anak syarikat seperti yang disenaraikan di on <https://www.kokuyo.com/en/about/group/>;
 - (c) Rakan kongsi perniagaan, bank dan institusi kewangan yang mempunyai hubungan perniagaan dengan kami untuk pelaksanaan tujuan;
 - (d) Pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan kepada kami dalam perjalanan perniagaan kami, seperti pemasaran, penyelidikan dan pengiklanan;
 - (e) Agensi penguatkuasaan undang-undang, agensi kerajaan dan pihak berkuasa berkanun;
 - (f) Juruaudit, perunding, akauntan, peguam, atau penasihat kewangan atau profesional lain, antara lain, yang dilantik oleh kami; dan
 - (g) Syarikat atau organisasi pengurusan hartanah pihak ketiga yang kami berhubung dan/atau bekerjasama berkaitan perkhidmatan yang kami sediakan kepada pelanggan kami.
- Anda akan dimaklumkan terlebih dahulu mengenai sebarang perubahan dalam parameter pendedahan pihak ketiga yang berkaitan tersebut.
- (3) Sila ambil maklum bahawa pihak ketiga yang berkaitan tersebut mungkin ditubuhkan di negara yang mungkin tidak menawarkan tahap perlindungan data yang setara dengan undang-undang di Malaysia. Anda dengan ini secara jelas memberikan kebenaran kepada kami untuk memindahkan dan menyimpan data peribadi anda ke mana-mana tempat di dalam dan di luar Malaysia. Walau bagaimanapun, kami akan sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa semua pihak ketiga di luar Malaysia tidak akan menggunakan atau memproses data peribadi anda selain untuk tujuan yang dimaksudkan dan selaras dengan Dasar ini sambil mengekalkan kerahsiaan dan privasi data peribadi anda dengan betul.

7. Penyimpanan

Data peribadi anda yang diberikan kepada kami akan disimpan selagi ia diperlukan untuk pelaksanaan tujuan di sini. Kami akan memusnahkan data peribadi anda daripada rekod dan sistem kami selaras dengan peraturan dan undang-undang yang berkaitan, sekiranya data peribadi anda tidak lagi diperlukan untuk tujuan Dasar ini.

8. Keselamatan

Kami mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda dirahsiakan dan selamat serta berusaha untuk melaksanakan kawalan, langkah keselamatan, dasar dan prosedur yang sesuai untuk mencegah pemprosesan data peribadi anda tanpa kebenaran dan secara haram, serta kehilangan, kemusnahan atau kerosakan secara tidak sengaja kepada data peribadi anda. Namun begitu, walaupun kami mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi data peribadi anda, tiada penghantaran data yang dijamin sebagai benar-benar dan pasti selamat. Oleh itu, kami tidak dapat memastikan keselamatan mutlak mana-mana maklumat yang anda hantar kepada kami atau terima daripada kami.

9. Akses, Pengubahsuaian dan Kemudahan Data Peribadi

- (1) Anda mempunyai hak untuk mengakses dan mengubah suai data peribadi yang diberikan kepada kami sebagai subjek data, dan anda boleh membuat permohonan seperti yang berikut:
 - (a) Membetulkan data peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, atau tidak terkini;
 - (b) Akses kepada data peribadi anda yang berada di bawah jagaan kami;

- (c) Nasihat mengenai peraturan dan prosedur untuk memproses data peribadi yang diberikan;
 - (d) Menghentikan pemprosesan data peribadi (termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan pemasaran);
 - (e) Menyekat pemprosesan data peribadi anda;
 - (f) Untuk menarik balik sebarang persetujuan yang diberikan sebelum ini kepada kami (sepenuhnya atau sebahagian) selaras dengan sebarang sekatan undang-undang, terma dan syarat yang terpakai serta tempoh masa yang munasabah di mana penarikan balik persetujuan berkuat kuasa; dan/atau
 - (g) Kemudahan data, di mana anda boleh meminta data peribadi anda disediakan kepada anda atau dipindahkan kepada pengawal data lain dalam format yang berstruktur, yang biasa digunakan dan boleh dibaca mesin, di mana secara teknikal dan undang-undang boleh dilaksanakan tertakluk kepada notis bertulis yang diberikan kepada kami melalui cara elektronik dengan cara yang disediakan dalam Perenggan 9(2) di bawah.
- (2) Sila hubungi kami untuk pertanyaan, permintaan mengenai akses, pengubahsuaian, kemudahan atau pemadaman data peribadi, data peribadi yang dikendalikan oleh kami, dan maklumat mengenai Dasar ini berdasarkan butiran berikut:

Maklumat Hubungan:

KOKUYO (MALAYSIA) Sdn. Bhd.

Alamat: Lot 79 & 83, Persiaran Bunga Tanjung 1, Senawang Industrial Park, 70400 Seremban, Negeri Sembilan

Maklumat Hubungan: Pauline Khoo

Nombor Telefon: +60 12 203 0534

Alamat E-mel: pauline_khoo@kokuyo.com

- (3) Kami akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan maklumat yang kami pegang adalah tepat, lengkap dan terkini. Untuk membantu kami dalam hal ini, sila berikan kami maklumat yang betul dan maklumkan kepada kami jika terdapat perubahan kepada data peribadi anda berdasarkan maklumat di atas.
- (4) Kami mungkin mengenakan bayaran pentadbiran untuk pemprosesan pindaan sedemikian. Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab untuk memastikan data peribadi yang anda berikan adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan serta data peribadi tersebut dikemaskini. Kegagalan menyediakan yang sama mungkin mengakibatkan kesukaran dalam mematuhi obligasi kami terhadap anda.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan di atas dan dan selebihnya di dalam Dasar ini, kami berhak menolak permohonan untuk akses, penarikan balik, sekatan dan/atau pindaan data peribadi, jika pemberian akses kepada anda mungkin menjadi risiko kepada privasi anda, akses tersebut dianggap haram, atau dalam keadaan di mana hak orang lain juga mungkin terganggu atau terjejas. Kami juga berhak untuk penolakan sedemikian sekiranya kami tidak diberikan maklumat atau bukti yang mencukupi untuk meneruskan permohonan sedemikian oleh anda.

10. Data Peribadi Kanak-kanak

Kami tidak akan secara sengaja mengumpul data peribadi daripada individu di bawah umur 18 tahun. Jika anda berumur di bawah 18 tahun, sila dapatkan persetujuan ibu bapa atau penjaga anda di bawah undang-undang sebelum anda memberikan data peribadi anda kepada kami. Jika didapati data peribadi dikumpul daripada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tanpa persetujuan jelas ibu bapa atau penjaga undang-undang, kami akan segera memadamkan maklumat tersebut.

Jika anda mengesyaki kami mungkin mempunyai data peribadi di bawah umur 18 tahun tanpa persetujuan ibu bapa atau penjaga undang-undang anda, sila hubungi kami.

11. Semakan

Kami boleh meminda Dasar ini pada bila-bila masa dan kami boleh menerbitkan atau memaklumkan Dasar yang dipinda atau disemak di Laman Web kami atau melalui e-mel. Dasar yang disemak akan mengatasi semua versi sebelumnya. Anda bertanggungjawab untuk mengkaji versi semasa dari semasa ke semasa. Hubungan berterusan anda dengan kami selepas penerbitan dasar terpinda / disemak sedemikian akan menjadi penerimaan anda terhadap Dasar yang terpinda.

Dasar ini juga diterbitkan dalam Bahasa Malaysia, dan jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi.

12. Pautan Pihak Ketiga

Dalam menggunakan Laman Web kami atau menyemak dokumen fizikal yang dicetak oleh kami, anda mungkin menemui pautan ke laman web atau butiran hubungan milik pihak lain yang dimiliki atau

dikendalikan oleh pihak lain. Laman web pihak ketiga ini mempunyai dasar privasi yang berasingan dan tersendiri. Oleh itu, kami tidak bertanggungjawab ke atas maklumat mengenai, atau amalan privasi, pihak ketiga tersebut

Dikeluarkan pada hari ke 15 pada bulan Disember tahun 2025